



霹靂汽車裝修廠商公會
PERAK AUTOMOBILE WORKSHOP OWNERS' ASSOCIATION
NO. 18, PERSIARAN KIDD (OFF KIDD ROAD),
30200 IPOH, PERAK, MALAYSIA.
TEL: 05-2416288 FAX: 05-2539759
Email: pawoa@streamyx.com

PERATURAN OPERASI PENUNDAAN (EDISI PERAK) **(01-03-2009)**

Peraturan Operasi Penundaan (Edisi Perak) ini mengandungi terma-terma dan syarat-syarat di mana ahli-ahli bengkel bersetuju untuk mengikuti apabila mengambil bahagian di dalam Skim Penundaan Seluruh Negara yang dikendalikan oleh Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia (FAWOAM) dan ahli gabungannya, Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Negeri Perak (PAWOA).

Ahli bengkel dan/atau kontraktor yang dilantik, dengan adanya persetujuan untuk mengambil bahagian di dalam program, tidak mewujudkan hubungan berdasarkan kontrak dengan FAWOAM dan/atau PAWOA dan tidak berkelakuan seperti orang tengah FAWOAM dan/atau PAWOA apabila memberi perkhidmatan di bawah Skim Penundaan Seluruh Negara.

PERATURAN

1.0 KAWASAN OPERASI PENUNDAAN (SELURUH PERAK)

- 1.1 **SEPANJANG LEBUHRAYA PLUS UTARA-SELATAN**
(dari Bandar Baru hingga ke Tanjung Malim)
- 1.2 **BANDARAYA / KAWASAN BANDAR**
(laluan perbandaran & Persekutuan di dalam Negeri Perak)

2.0 CARA PROSEDUR

2.1 SEPANJANG LEBUHRAYA PLUS UTARA-SELATAN

- 2.1.1. **Siapa Cepat Dia Dapat:** sesiapa yang berada di tempat kejadian dahulu, pilih **DUA** kenderaan, lepas itu ikut dasar "beratur".
- 2.1.2. **Penanda tempat kemalangan:** dari bahagian tengah tempat kemalangan – 100M.
- 2.1.3. **Kaunter:** boleh menggunakan kereta Callman atau kereta tunda (*tow truck*)
- 2.1.4. Kereta tunda mesti dilengkapi dengan **Peralatan NTS** (*Nationwide Towing Scheme – Skim Penundaan Seluruh Negara*) seperti Peti Pertolongan Cemas, Kon Keselamatan, Lampu Isyarat Tangan, Lampu Siren dan dicatkan warna kuning jingga.
- 2.1.5. Kereta Callman mesti dalam keadaan bersih dan layak untuk dipandu di jalan raya, dicat satu garisan setebal 6 inci berwarna kuning jingga di kedua-dua belah bahagian kereta dari pengadang depan hingga panel kuarer belakang; satu pelekat keahlian PAWOA di bahagian kiri cermin depan; mesti dilengkapi dengan Peti Pertolongan Cemas, Lampu Isyarat Tangan, Kon Keselamatan dan Lampu Siren Kuning Jingga yang boleh ditanggalkan.
(HANYA PEMILIK KENDERAAN BENGKEL / KENDERAAN PENGARAH DIKECUALIKAN DARI DICAT KUNING JINGGA BELANG TETAPI MESTI DILENGKAPI DENGAN PERALATAN NTS).
- 2.1.6. Semua pihak (Pemandu Kereta Tunda, Callman dan Pemilik Kenderaan Bengkel/ Pengarah) **WAJIB** berpakaian kemas, dilengkapi dengan anak baju keselamatan (*Safety Vest*) FAWOAM dan seluar panjang serta kasut yang sesuai dan **MESTI** memakai Kad Pengenalan Kebenaran FAWOAM.
- 2.1.7. Semasa operasi di lebuh raya, kereta tunda yang tiba di tempat kemalangan mesti sama dengan hala tuju trafik dengan kereta kemalangan pemilik. Mana-mana kereta tunda yang berada di sebelah hala tuju trafik yang berlawanan tidak akan dianggap sebagai "Kereta Tunda yang datang dahulu" walaupun kereta tunda itu berada di tempat kejadian dahulu.

2.2

KAWASAN BANDAR / BANDARAYA

- 2.2.1. ***Siapa Cepat Dia Dapat:*** sesiapa yang berada di tempat kejadian dahulu, pilih **SATU** kenderaan, lepas itu ikut dasar "*beratur*".
- 2.2.2. **Kaunter:** Kereta tunda. (dalam lingkungan kawasan penguasaan polis trafik Ipoh dan termasuk Batu Gajah dan Parit; sekiranya di luar lingkungan kawasan ini, kereta Callman boleh digunakan sebagai Kaunter).
- 2.2.3. Kereta tunda **MESTI** dilengkapi dengan Peralatan NTS.
- 2.2.4. Pemandu Kereta Tunda **MESTI** memakai anak baju keselamatan FAWOAM, seluar panjang dan kasut yang sesuai serta **MESTI** memakai Kad Pengenalan Kebenaran FAWOAM.
- 2.2.5. Kereta tunda yang datang dahulu tetapi sedang menunda sebuah kereta, tidak akan dianggap sebagai Kereta Tunda yang datang dahulu di tempat kejadian. .

3.0

URUSNIAGA OPERASI & KOS

3.1

PERSETUJUAN PEMILIK KERETA

- 3.1.1. Semua kereta yang ditunda mesti di bawah persetujuan Pemilik / Pemandu kereta tersebut dengan menandatangani borang "PERSETUJUAN UNTUK MENUNDA".
- 3.1.2. Bagi kes yang tiada Pemandu / Pemilik kereta, kereta tunda harus menunda kenderaan tersebut ke balai polis yang berhampiran.
- 3.1.3. Caj Bayaran Penunda Kereta untuk Kenderaan Kemalangan yang Rosak

Bandar / Bandaraya:

Untuk 20km yang pertama pada waktu pagi: RM80.00 & RM1.00 per setiap km untuk jarak seterusnya.

Untuk 20km yang pertama pada waktu malam: RM120.00 & RM1.50 per setiap km untuk jarak seterusnya.

LEBUHRAYA PLUS (TIDAK TERMASUK JALAN TOL)

Untuk 20km yang pertama pada waktu pagi: RM120.00 & RM1.50 per setiap km untuk jarak seterusnya.

Untuk 20km yang pertama pada waktu malam: RM160.00 & RM2.00 per setiap km untuk jarak seterusnya.

Bayaran ini akan dibayar oleh Pemilik Kenderaan atau Bengkel Penyelenggaraan yang telah diberi kebenaran oleh pemilik kenderaan untuk membaiki; dan "Kereta Tunda yang datang dahulu" mesti menunda kenderaan itu ke balai polis yang berhampiran seperti yang diminta oleh Pemilik Kenderaan atau Bengkel Penyelenggaraan yang telah diberi kebenaran.

- 3.1.4. Caj Bayaran Penunda / Pengangkut Kereta untuk **KENDERAAN KEROSAKAN TERGENDALA**

Caj Bayaran Penunda Kereta

Bandar / Bandaraya:

Untuk 20km yang pertama pada waktu pagi: RM50.00 & RM1.00 per setiap km untuk jarak seterusnya.

Untuk 20km yang pertama pada waktu malam: RM70.00 & RM1.50 per setiap km untuk jarak seterusnya.

LEBUHRAYA (TIDAK TERMASUK JALAN TOL)

Untuk 20km yang pertama pada waktu pagi: RM60.00 & RM1.50 per setiap km untuk jarak seterusnya.

Untuk 20km yang pertama pada waktu malam: RM80.00 & RM2.00 per setiap km untuk jarak seterusnya.

Caj Bayaran Pengangkut Kereta

Bandar / Bandaraya:

Untuk 20km yang pertama pada waktu pagi: RM70.00 & RM1.00 per setiap km untuk jarak seterusnya.

Untuk 20km yang pertama pada waktu malam: RM90.00 & RM1.50 per setiap km untuk jarak seterusnya.

LEBUHRAYA (TIDAK TERMASUK JALAN TOL)

Untuk 20km yang pertama pada waktu pagi: RM80.00 & RM1.50 per setiap km untuk jarak seterusnya.

Untuk 20km yang pertama pada waktu malam: RM100.00 & RM2.00 per setiap km untuk jarak seterusnya

3.2 PELUANG KEPADA "KERETA TUNDA YANG DATANG DAHULU"

- 3.2.1. Jika pemilik kereta enggan menerima perkhidmatan "Kereta Tunda yang datang dahulu" kerana dia telah mempunyai bengkel pilihan sendiri, "Kereta Tunda yang datang dahulu" boleh mempromosikan perkhidmatannya. Sekiranya, kereta tunda bengkel pilihan pemilik kereta sudah tiba dan pemilik kereta masih enggan menerima perkhidmatan "Kereta Tunda yang datang dahulu", dia mesti beredar dari tempat tersebut **MELAINKAN FASAL 3.2.2.** digunakan. (Pemberian masa 15 minit tidak boleh digunakan lagi)
- 3.2.2. Untuk menunjukkan sikap muhibah, bengkel pilihan itu atas kebenaran pemilik kereta, boleh memberi peluang kepada "Kereta Tunda yang datang dahulu" untuk menunda kereta tersebut ke balai polis yang berhampiran dan membayarnya upah penundaan seperti yang tercatat di 3.1.3.
- 3.2.3. Namun, jika "Kereta Tunda yang datang dahulu" enggan menghulurkan bantuan perkhidmatan kepada bengkel pilihan seperti yang tercatat di 3.2.2, maka bengkel pilihan tidak perlu membayar apa-apa caj bayaran kepada "Kereta Tunda yang datang dahulu" kerana tiada bantuan perkhidmatan yang diterima.
- 3.2.4. Jika pemilik kereta enggan memberi kebenaran kepada "Kereta Tunda yang datang dahulu" untuk menunda keretanya walaupun bengkel pilihan telah mengikut fasal 3.2.2, bengkel pilihan atas budi bicaranya dan atas sikap muhibah, boleh membayar RM30.00 dengan syarat bahawa caj penundaan itu tidak boleh ditanggung oleh pemilik kereta.

3.3 PENGUMPULAN KERETA UNTUK DIBAIKI

Ahli-ahli tidak dibenarkan untuk memburu curi kenderaan yang telah ditunda masuk ke dalam bengkel lain. Jika pemilik ingin kenderaannya dibaiki di bengkel lain, syarat-syarat di bawah harus dipatuhi:-

3.3.1. DALAM MASA 48 JAM dari masa kemalangan

- 3.3.1.1. Membayar upah bayaran Kereta Tunda sebanyak RM80 / RM120 (Bandar/Bandaraya) atau RM120 / RM160 (Lebuhraya).
- 3.3.1.2. Membayar upah perkhidmatan bagi pengurusan kejadian dan upah bayaran penundaan tambahan jika kereta tunda yang kedua digunakan untuk mendapatkan semula kereta dengan syarat foto-foto di kejadian kemalangan dilampirkan sebagai bukti sokongan
- 3.3.1.3. Jumlah bayaran maksimum yang dibayar oleh Bengkel "Kedua" di bawah fasal 3.3.1 kepada Bengkel "Pertama" tidak boleh melebihi RM250 termasuk caj penundaan dan caj lain-lain (tidak termasuk Dokumen Polis)

3.3.2. SELEPAS MASA 48 JAM dari masa kemalangan

- 3.3.2.1. Membayar upah bayaran Kereta Tunda sebanyak RM80 / RM120 (Bandar/Bandaraya) atau RM120 / RM160 (Lebuhraya)
Membayar upah perkhidmatan bagi (upah kren) atau upah bayaran penundaan tambahan jika kereta tunda yang kedua digunakan untuk mendapatkan semula kereta dengan syarat foto-foto di kejadian kemalangan dilampirkan sebagai bukti sokongan
- 3.3.2.2. Membayar caj bayaran Tempat Simpanan (RM6 / RM10) sehari.

3.3.3. JIKA PEMILIK KENDERAAN BERSETUJU, BORANG TUNTUTAN TELAH DITANDATANGANI DAN SEMUA DOKUMEN DI BAWAH DIBERI UNTUK PEMROSESAN:

- 3.3.3.1. KAD PENDAFTARAN JPJ
- 3.3.3.2. POLISI INSURAN DAN/ ATAU COVER NOTE
- 3.3.3.3. KAD PENGENALAN & LESEN MEMANDU PEMILIK PEMANDU
- 3.3.3.4. PERJANJIAN SEWA BELI (JIKA ADA)

Bagi Ahli Bengkel

“Bengkel Pemungut” bertanggungjawab untuk membayar semua caj bayaran yang tercatat di 3.3.2. ditambah dengan jumlah caj RM1500.00 termasuk caj anggaran; di mana Bengkel Pertama menyimpan RM1000.00, dan bakinya RM500.00 disimpan di dalam Bank Akaun Tabung Kebajikan PAWOA. Wang tersebut akan didermakan untuk tujuan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan pada setiap sambutan ulangtahun.

Bagi Ahli Bukan Bengkel (Termasuk bengkel francais)

“Bengkel Pemungut” bertanggungjawab untuk membayar semua caj bayaran yang tercatat di 3.3.2 ditambah dengan jumlah caj RM500.00 termasuk caj anggaran.

3.3.4 PEMILIKAN KENDERAAN POLISI INSURAN PIHAK KETIGA

- 3.3.4.1. Jika kereta kemalangan memiliki polisi insurans pihak ketiga, semua peraturan yang tercatat di 3.2.2 tidak boleh digunakan dan hanya caj penundaan yang ada, dikenakan dengan syarat “Bengkel Kedua” itu perlu memberi satu salinan polisi insuran Pihak Ketiga kepada Bengkel Pertama sebagai dokumen bukti.
- 3.3.4.2. Sekiranya, kereta kemalangan tersebut didapati tidak memiliki polisi insuran pihak ketiga, “Bengkel Kedua” harus membayar denda 3 kali ganda kadar bayaran yang tercatat di 3.3.3. kepada “Bengkel Pertama”

PERHATIAN:-

a) SEMUA CAJ BAYARAN DI ATAS ADALAH DIBAYAR OLEH BENGKEL “KEDUA”

[Bengkel tidak boleh menggunakan “MOU” antara ahli-ahli untuk mempengaruhi pemilik kereta membayar atau memaksa Bengkel untuk melepaskan kenderaan].

b) JIKA INGIN MENUNTUT BAYARAN DARIPADA PEMILIK KERETA, HANYA UPAH PENUNDAAN (termasuk UPAH KREN jika ada) DAN CAJ BAYARAN TEMPAT SIMPANAN BOLEH DITUNTUT

[Diandaikan Bengkel Kedua mengambil kereta dari Bengkel Pertama atas pengetahuannya dan Bengkel Pertama harus mematuhi prinsip “MOU” ini. Kos yang selebihnya akan ditanggung oleh Bengkel Kedua]

c) SEMUA TRANSAKSI MESTI DISERTAKAN DENGAN RESIT RASMI OLEH BENGKEL PERTAMA

[Ini dapat mengelakkan penipuan dan memudahkan semakan / rujukan dibuat sekiranya berlakunya pertikaian atau aduan]

d) BENGKEL YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN “UMPAN-PELANGGAN-DATANG” AKAN MEMBAYAR “3 KALI GANDA” JIKA MEMPENGARUHI / MEMAKSA BENGKEL PERTAMA UNTUK MELEPASKAN KERETA PELANGGAN SEPERTI YANG TERCATAT DI FASAL / SUBFASAL 3.3 YANG BERSESUAIAN KEPADA BENGKEL PERTAMA.

[Jika Bengkel Kedua ingin membaiki kereta tersebut, bengkel itu mesti layak dan beretika dan tidak menggunakan pendekatan “UMPAN-PELANGGAN-DATANG” untuk mengelakkan terma “MOU”. Sesiapa yang ingin membuat perniagaan, dia yang harus menanggung kos bayaran tersebut.]

4.0 KENDERAAN LUPUS “TOTAL LOSS” & PENGURUSAN

4.1 CAJ BAYARAN TEMPAT SIMPANAN

- 4.1.1 Semua kenderaan lupus yang disimpan di bengkel penyenggaraan ahli-ahli oleh pihak insuran akan dikenakan caj bayaran tempat simpanan seperti berikut:

Kenderaan Penumpang:	RM6.00 sehari untuk Tempat Simpanan di luar Perkarangan
	RM10.00 sehari untuk Tempat Simpanan di dalam Perkarangan
Kenderaan Trak:	RM15.00 sehari untuk Tempat Simpanan di luar Perkarangan
	RM25.00 sehari untuk Tempat Simpanan di dalam Perkarangan

- 4.1.2 Caj bayaran di atas akan dikenakan 14 hari dari tarikh maklum taraf kenderaan lupus oleh bengkel penyenggaraan dengan syarat bengkel penyenggaraan memberitahu secara bertulis dalam masa 7 hari dari tarikh taraf kenderaan lupus oleh pihak pelaras dan/atau pihak insurans.
- 4.1.3 Bengkel pengurusan dan penyimpanan kenderaan lupus mesti memastikan keadaan semua kenderaan lupus seperti “tidak berubah”; dan memastikan kenderaan lupus itu “selesai dan menyeluruh” di mana foto-foto kenderaan tersebut semasa kemalangan boleh didapati. Sebarang kehilangan atau penukaran barang ganti mesti direkod dan tidak diambil kira atas caj bayaran tempat simpanan jika ada dengan syarat bengkel penyenggaraan itu tidak bertanggungjawab atas kerosakan barang “wear and tear” yang disebabkan oleh karat / keadaan cuaca.

4.2 PENGUTIPAN KENDERAAN LUPUS

- 4.2.1 Pembeli Kenderaan Lupus mesti mengikut waktu bekerja ahli-ahli bengkel seperti yang tercatat di fasal 6.0.
- a) **UPAH BAYARAN PENUNDAAN KENDERAAN SEBENAR**
(dengan upah kren, jika ada)
 - b) **UPAH PERKHIDMATAN**
(Maksimum RM100.00)
 - c) **CAJ BAYARAN TEMPAT SIMPANAN**
(dikira mulai hari ke-15 dari tarikh kemalangan)
 - d) **PEMERIKSAAN PUSPAKOM & UPAH PENGURUSAN**
(jika ada, dan maksimum RM300.00)

Semua ahli harus mengambil perhatian tentang perkara ini jika mereka ingin membeli “bangkai kenderaan lupus”. Ahli-ahli yang memiliki “bangkai kenderaan lupus” mempunyai hak untuk mengecualikan upah perkhidmatan, caj bayaran tempat simpanan dan Pemeriksaan PUSPAKOM dan upah pengurusan atas budi bicara mereka, tetapi TIDAK BOLEH mengenakan bayaran yang lebih tinggi daripada yang telah ditetapkan.

PERHATIAN : SEMUA PENERIMAAN MESTI DISERTAKAN DENGAN RESIT RASMI YANG MEMPUNYAI CAJ BAYARAN “KEROSAKAN TIBA-TIBA” (BREAKDOWN)

5.0 SENARIO/ KES BENGKEL PENYENGGAARAAN KAWASAN LUAR

5.1 **BAGI KENDERAAN KEMALANGAN YANG BOLEH DIBAIKI**

Bagi bengkel luar yang mengambil kenderaan kemalangan, syarat-syarat di bawah harus dipatuhi:-

- 5.1.1. JIKA DALAM TEMPOH 72 JAM, kadar bayaran tetap RM500.00 akan dikenakan.
- 5.1.2. JIKA SELEPAS TEMPOH 72 JAM, kadar bayaran tetap RM500.00 tambah Caj Bayaran Tempat Simpanan (RM6/RM10) akan dikenakan.
- 5.1.3. JIKA SELEPAS TEMPOH 72 JAM DAN BORANG TUNTUTAN TELAH DITANDATANGANI DAN SEMUA DOKUMEN KENDERAAN DIBERI, kadar bayaran RM1,500.00 tambah Caj Bayaran Tempat Simpanan (RM6/RM10) akan dikenakan.
[Dalam situasi ini, Bengkel yang “Pertama” mesti menyediakan semua dokumen sokongan kenderaan, laporan polis dan menyediakan satu senarai anggaran kepada Bengkel “Kedua”].

5.2 **BAGI KENDERAAN LUPUS**

Peraturan-peraturan yang dipersetujui antara persatuan-persatuan negeri akan dilaksanakan.

6.0 WAKTU BEROPERASI DI BAWAH PERATURAN

6.1 **PENGIRAAN BAYARAN PENUNDAAN KERETA**

- WAKTU PAGI - 7.00 pagi – 6.59 petang
WAKTU MALAM - 7.00 petang – 6.59 pagi

6.2 PEMULANGAN KENDERAAN

- WAKTU PEJABAT - Jam 0900 hingga jam 1700 (Isnin – Jumaat)
Jam 0900 hingga jam 1300 (Sabtu)
- TUTUP - a) Ahad
b) Cuti Umum yang diisytiharkan
c) 6 hari pertama perayaan Tahun Baru Cina

7.0 CIRI / KRITERIA PENGESYORAN FAWOAM UNTUK PENGELUARAN KAD KEBENARAN

7.1 PEMANDU PENUNDA KENDERAAN / CALLMEN

- 7.1.1. Personel mesti adalah ahli pekerja Bona Fide atau kontraktor yang dilantik
- 7.1.2. Mesti warganegara Malaysia dan berkelakuan baik.
- 7.1.3. Mesti berpakaian kemas – Seluar Panjang / Kolar Kecil / Kasut

7.2 KERETA PENUNDA KENDERAAN

- 7.2.1. Semua kereta tunda mesti mempunyai lesen yang didaftarkan dengan JPJ
- 7.2.2. Kereta tunda mesti dicat dengan warna kuning jingga.
- 7.2.3. Kereta tunda mesti dilekatkan satu pelekat "keahlian PAWOA" di bahagian kiri cermin depan
- 7.2.4. Kereta tunda mesti dilengkapi dengan Peralatan NTS seperti yang tercatat di fasal 2.1.4

7.3 KERETA CALLMAN

- 7.3.1. Semua kereta callman mesti mempunyai lesen yang didaftarkan dengan JPJ
- 7.3.2. Semua kereta callman mesti layak untuk dipandu di jalan raya dan dalam keadaan bersih
- 7.3.3. Kereta callman mesti dilekatkan satu pelekat "keahlian PAWOA" di bahagian kiri cermin depan
- 7.3.4. Kereta Callman dicat satu garisan setebal 6 inci berwarna kuning jingga (dari pengadang depan hingga panel kuater belakang) di kedua-dua belah bahagian kereta
- 7.3.5. Jika kereta callman berwarna kuning jingga, satu garisan hitam akan dicat mengikut format dan ukuran yang sama
- 7.3.6. Kereta Callman mesti dilengkapi dengan Peralatan NTS iaitu Peti Pertolongan Cemas, Lampu Isyarat Tangan, Lampu Siren Kuning Jingga yang boleh ditanggalkan dan Kon Keselamatan.
- 7.3.7. Kereta dari pemilik bengkel atau pengarah yang mengendalikan kes kemalangan mesti mematuhi peraturan 7.3, kecuali peraturan 7.3.4 dan 7.3.5, dengan syarat kereta itu dipandu oleh pemilik kenderaan bengkel atau pengarah dengan mempunyai Kad Pengenalan Kebenaran FAWOAM.

7.4 KONTRAKTOR (BUKAN AHLI)

- 7.4.1. Kontraktor yang dilantik mesti mempunyai Perjanjian Bertulis dengan Ahli Bengkel
- 7.4.2. Salinan Perjanjian Bertulis yang di tandatangani oleh Bengkel dan Kontraktor mesti diberi kepada PAWOA.
- 7.4.3. Terhad kepada 2 kontraktor dengan memiliki maksimum 2 buah kereta tunda dan/ atau Callman per Kontraktor per Ahli Bengkel.
- 7.4.4. Kontraktor mesti memberi satu Surat Jaminan bagi setiap kereta tunda atau Callman

7.5 KONTRAKTOR (AHLI)

(Ini juga termasuk ahli-ahli yang tidak mempunyai status bengkel panel penunda kenderaan)

7.5.1. BENGKEL PEMBAIKPULIH (BODYSHOP)

Sesiapa yang ada Bengkel Penyelenggaraan Kenderaan, mesti mempunyai bodyshop yang dilengkapi dengan peralatan contohnya:-

- 7.5.1.1. Set Oxy-Acetylene
- 7.5.1.2. Manual Pulling Bench
- 7.5.1.3. Alat / Peralatan Mengetuk Badan Kenderaan
- 7.5.1.4. Alat / Peralatan Mengecat Badan Kenderaan

7.5.2. **BENGKEL MEMBAIKI (MEKANIKAL)**

Kepada ahli yang tidak mempunyai Bodyshop, tetapi mempunyai Bengkel Membaiki Kereta (Mekanikal) dan kereta tunda, akan mematuhi syarat-syarat Kontraktor Bukan Ahli di bawah fasal 7.3, melainkan dia telah dikecualikan daripada peraturan ikatan perlindungan.

7.6 CAJ BAYARAN KAD PENUNDA KERETA DAN CALLMAN

- 7.6.1 Maksimum kuantiti kad penunda kereta dan callman yang dibenarkan bagi sesebuah ahli bengkel adalah 50 keping.
- 7.6.2 Caj pemprosesan setiap kad bagi setiap pemohon / pekerja bona fide ialah RM20.00
- 7.6.3 Caj pemprosesan setiap kad bagi setiap pemohon / pekerja bukan bona fide ialah RM40.00
- 7.6.4 Takrifan "pekerja bona fide" ialah individu yang dibayar gaji oleh ahli bengkel dan mempunyai faedah KWSP dan dilindungi PERKESO.

7.7 CARA PERMOHONAN KAD PENUNDA KERETA DAN CALLMAN

Bagi permohonan baru dan pembaharuan kad, sila mematuhi semua cirri di bawah:-

- 7.7.1. Isikan borang permohonan rasmi FAWOAM berserta tandatangan ahli bengkel & pemohon.
- 7.7.2. Lampirkan bersama 2 keping gambar berukuran passport..(contoh Appendix 1)
- 7.7.3. Lampirkan bersama satu salinan Kad Pengenalan Pemohon
- 7.7.4. Lampirkan bersama satu salinan lesen memandu.
(Bagi penunda kereta, lampirkan bersama satu salinan Lesen Permit yang sah)
- 7.7.5. Lampirkan bersama satu salinan Kad Pendaftaran Kenderaan Pemohon bagi kenderaan yang beroperasi di dalam penundaan.
- 7.7.6. Jika kenderaan yang beroperasi di dalam penundaan bukan dimiliki oleh pemohon, satu surat perjanjian (contoh Appendix II) harus ditandatangani oleh pemilik kenderaan tersebut yang sebenar dan bukti sokongan daripada bengkel yang mengupah pemohon itu mesti dilampirkan.
- 7.7.7. Jika pemohon adalah Pemilik Bengkel / Pengarah Bengkel, sediakan satu salinan Borang 49 & Borang B. (Maksimum 2 kad untuk pemilik / pengarah diberikan kepada bengkel)
- 7.7.8. Bagi pemohon yang ingin memperbaharui kad, kad lama harus dipulangkan.
- 7.7.9. Semua pemohon yang membuat permohonan baru / pembaharuan kad, harus memastikan yuran ahli / hutang dengan persatuan telah dilangsaikan. Sekiranya gagal berbuat demikian, persatuan berhak untuk tidak meluluskan permohonan.
- 7.7.10. Sekiranya pemegang kad telah meletakkan jawatan dari bengkel lama, satu salinan surat meletakkan jawatan dan kad aslinya harus diberikan kepada persatuan untuk simpanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, ini akan menjejaskan kelulusan permohonan bagi pemegang kad tersebut pada masa hadapan.
- 7.7.11. Bagi siapa-siapa pemegang kad yang telah meletakkan jawatan, kad baru hanya boleh diberikan di bawah nama majikan baru setelah 3 bulan, bermula dari tarikh perletakan jawatan. Sekiranya pemegang kad yang telah meletakkan jawatan gagal mematuhi 7.6.10., persatuan berhak untuk tidak meluluskan permohonan tersebut.
- 7.7.12. Setiap penunda kereta atau callman hanya boleh memiliki satu kad sahaja.
- 7.7.13. Setiap kenderaan penunda kereta atau callman hanya berhak untuk satu permohonan pemandu sahaja.
- 7.7.14. Bagi permohonan callman, sila sediakan 2 gambar (pandangan depan & tepi) kereta yang beroperasi di dalam penundaan, berserta pemohon Callman berdiri di tepi bahagian belang kereta tersebut (seperti yang tertera di fasal 7.3.4 atau 7.3.5). Sekiranya gagal berbuat demikian, persatuan berhak tidak meluluskan permohonan tersebut

7.8 PENGUATKUASAAN

Sub ahli-ahli insurans akan membentuk satu pasukan penguatkuasaan untuk melaksanakan dan menyiasat sesiapa pemegang kad yang menggunakan kad palsu atau tidak mematuhi Peraturan Operasi Penundaan.

- 7.8.1. Jika terdapat siapa-siapa ahli atau subkontraktor yang menggunakan kad palsu, denda sebanyak RM2,000.00 akan dikenakan ke atas setiap kad palsu dan nama pemegang kad yang bersalah akan digantung buat selama-lamanya.
- 7.8.2. Jika ahli tersebut masih melakukan kesalahan yang sama, persatuan berhak menolak pengeluaran kad kepada ahli tersebut buat selama-lamanya..
- 7.8.3. Jika kereta callman gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, persatuan berhak mengambil balik kad sehingga peraturan tersebut telah dipatuhi.

8.0 IKATAN PERLINDUNGAN

- 8.1.1. Semua ahli bengkel penyenggaraan yang ingin menjadi ahli Skim NTS mesti menyediakan satu Surat Jaminan. Surat Jaminan tersebut adalah untuk menilai prestasi dan pemerhatian peraturan-peraturan penundaan kenderaan.
- 8.1.2. Selain Surat Jaminan, persatuan berhak mengenakan deposit berbentuk wang sebagai ikatan perlindungan sekiranya perlu.

9.0 TRIBUNAL

- 9.1.1. Persatuan akan membentuk satu pasukan tribunal yang terdiri daripada salah seorang Penasihat Sah Persatuan; Penasihat yang Berhormat dan 3 orang ahli yang lain yang dilantik oleh Pengerusi dengan sub kumpulan insuran untuk mengatasi apa-apa rungutan dan aduan
- 9.1.2. Tribunal tersebut menyiasat apa-apa aduan atau pertikaian; dan meminta parti-parti dari aduan atau pertikaian ini untuk menghadiri sesi pembicaraan jika perlu.
- 9.1.3. Tribunal tersebut menguatkuasakan peruntukan Peraturan Operasi Penundaan dan menyelesaikan apa-apa masalah aduan / pertikaian pada peringkat tribunal.
- 9.1.4. Keputusan tribunal tersebut adalah dikuatkuasakan antara semua ahli bengkel.
- 9.1.5. Sesiapa ahli yang tidak berpuashati dengan keputusan tribunal berhak mengemukakan kepada Pasukan Pengurusan (Management Committee) dalam bentuk bertulis dalam masa dua minggu dari tarikh keputusan tribunal diumumkan.
- 9.1.6. Pasukan Pengurusan akan mengkaji semula keputusan tribunal tersebut dan membuat perubahan jika perlu dan keputusan yang dibuat oleh Pasukan Pengurusan adalah muktamad.
- 9.1.7. Sebarang tindakan berkaitan dengan disiplin akan dicadangkan dan dirujuk kepada Pasukan Disiplin (Disciplinary Committed) oleh Tribunal.

10.0 ADUAN

- 10.1.1. Semua aduan mesti dalam bentuk bertulis dan disertakan dokumen sokongan yang berkaitan.
- 10.1.2. Setiap aduan mesti disertakan RM100.00 sebagai caj pemprosesan daripada parti yang membuat aduan..
- 10.1.3. Parti tertuduh yang dimaklumkan oleh persatuan WAJIB memberi jawapan dalam bentuk bertulis (kepada parti yang membuat aduan ke atasnya) dan disertakan dokumen sokongan dan caj pemprosesan RM100.00.
- 10.1.4. Jika masalah ini diselesaikan oleh Tribunal atau Pasukan Pengurusan, dan jika rayuan telah dibuat, caj pemprosesan parti yang “bersalah” akan didenda, manakala caj pemprosesan RM100.00 parti yang “tidak bersalah” akan dipulangkan kembali.

Perhatian :***

Semua syarat dan peraturan yang tercatat di atas adalah terjemahan keseluruhan dari versi Bahasa Inggeris untuk kefahaman para pembaca. Jika berlaku apa-apa masalah percanggahan pendapat, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan / digunapakai.